

# INSAFLAH ...! JIKA MAHU INSAF

Supaya kita jangan dikatakan mengadakan barang yang tiada tentang cara-cara pertadbiran negara Komunis maka di bawah ini kita salin suatu rencana yang disiarkan di dalam "Suara Partai Masyumi" yang diterbitkan di Jakarta yang disalin daripada suatu siaran yang bernama "Diktator Berkembang" salinan ini kita buat sedaya upaya kita mengikut bahasa yang lazim digunakan di sini supaya mudah pembaca-pembaca memahamkannya mengikut asalnya maka bahagian itu dirinya bernombor 1 hingga 6 dan dibuat ini ialah salinan rencana itu :-

## 1. Ibu pejabat

Pembaca-pembaca tentu maklum bahawa hampir dalam tiap-tiap negeri ada pertubuhan Komunis yang menyebut dirinya parti "nasional" (kebangsaan) serta merdeka akan tetapi parti-parti yang tersebut itu sekali-sekali bukannya Partai Nasional (Partai - pertubuhan) ada sebuah pejabat besarnya di dan daripada jabatan itulah semua pertubuhan-pertubuhan Komunis kebangsaan dipandu dan dikelola.

Jabatan itu disebut "Cominform" (dahulu Comintern). Cominform itupun tidak merdeka juga sebab ia diperhati dan dikawal serta diperintah oleh Polit Biro iaitu suatu pertubuhan Komunis tertinggi di Russia. Pertubuhan ini dipimpin oleh Stalin sendiri. Cominform itulah yang menyusun langkah-langkah semua pertubuhan di seluruh dunia.

Jabatan itulah menentukan di negeri mana dan dalam perusahaan mana enggan bekerja harus diadakan, di mana bangkitan-bangkitan bersenjata harus ditimbulkan, bagaimana pertubuhan Komunis membuat langkah kepada agama di dalam sesebuah negeri, dakyah bagaimana harus dihebahkan dan di mana dakyah itu akan dihebahkan; apakah sesuatu cadangan undang-undang harus diberi suara atau pun harus ditolak oleh wakil Komunis dalam parlimen; cara surat khabar Komunis menghuraikan sesuatu masalah; siapa yang harus diterima jadi anggota dan siapa

yang harus dipecat ; pendek kata Cominform itulah yang memberi perintah kepada pertubuhan-pertubuhan Komunis dan ia juga yang akan mengatur segala langkah-langkah yang akan dijalankan di mana-mana jua pun.

## 2. Pengaruh parti Komunis Nasional (Komunis Kebangsaan)

Yang demikian itu bermakna bahawa juga seseorang Komunis dipilih supaya duduk dalam sidang perwakilan rakyat maka orang itu dengan pura-pura jua berjanji hendak setia kepada undang-undang dasar, tetapi sesungguhnya dalam hatinya ia hanya menjalankan perintah-perintah dari Moscow jua bukannya kehendak dan mustahak rakyat yang diperintahkan tetapi ialah kehendak dan mustahak pertubuhan atau dengan jelas mustahak dan kehendak sebuah negara asing iaitu kehendak Soviet Russia.

Jadi dalam tiap-tiap negeri kaum Komunis menjalankan khianat terhadap kepada bangsanya dengan demikian dalam tiap-tiap negeri di dalam mana kaum Komunis memegang sesuatu jabatan pemerintahan maka negara telah dikuasai oleh pengkhianat dan pengkhianat itu dapat mempengaruhi dan dapat membinasakan anasir-anasir lain dengan mudahnya. Jadi pertadbiran Komunis itu merupakan suatu sarang labah-labah yang sangat besar dan Stalin dan Polit Bironya sebagai pusatnya yang merupakan jari-jarinya ialah cabang-cabang kebangsaan jabatan Komunis forum dan yang merupakan lingkarannya ialah pertubuhan-pertubuhan

Komunis yang walaupun sangat jauh daripada pusatnya tetapi berhubung rapat itu. Bagi menjalankan pertadbiran yang sebesar itu tentu sahaja menghendaki banyak orang-orang pandai. Bagi memudahkan mendapat orang-orang yang pandai itu di Moscow didirikan sebuah balai pengajaran tinggi yang terletak di Istana Auristski yang luas itu.

Lebih dari 600 orang penuntut telah mendapat pelajaran di sana dalam bahagian “Teori” (fahaman) dan pengajaran amali mengenai kebangkitan-kebangkitan yang dikehendaki dan di sana ahli-ahli pendakwah, ahli-ahli pemogok (anggota bekerja), ahli-ahli bangkitan bersenjata, ahli-ahli perjuangan bersenjata, ahli-ahli perjuangan di bandar-bandar besar dan ahli-ahli perang saudara dididik. Di antara penuntut-penuntut yang beribu-ribu jumlahnya atau didapati banyak orang-orang asing yang kemudian balik ke tanah air bagi mengejar cita-cita dan kemahuan yang didapatinya disana sampai menjadikan negaranya itu di bawah pemerintahan Komunis.

### 3. Tujuan pertama

Tujuan yang utama ialah hendak mengadakan pertubuhan Komunis yang kuat di tanah airnya. Kami katakan “kuat” bukan besar, kerana pertubuhan Komunis itu tidak boleh besar. Ada pun sebab-sebabnya ialah makin besar pertubuhan itu makin sukar pula mengawasnya, makin banyak pula anasir-anasir lemah yang masuk yang harus dapat melemahkan gaya dan cita-cita pertubuhan itu.

Oleh kerana itu yang boleh menjadi anggota pertubuhan ialah orang-orang Komunis yang besar keyakinannya. Parti itu harus menjadi Tuhannya yang dicintainya lebih dari segala sesuatu – yang apa jua pertubuhan dengan tidak waham walau sedikit pun ada diikutnya. Baginya wajib mengorbankan segala perkara mustahak dirinya dan keluarganya bahkan juga mustahak tanah air kepada partinya.

Di antara anggota-anggota yang kuat usaha itu dengan saksama dipilih yang mana yang lebih usaha dan cekap, dan

orang inilah, lelaki atau perempuan, yang dikirim ke sekolah tinggi di Moscow bagi dididik menjadi “aktivis” atau dalam bahasa Indonesia (orang-orang yang rajin). Mereka itu apabila balik ke tanah air mula-mula disuruh menjalankan berbagai-bagai perintah yang walau pun belum boleh dikatakan kejahatan tetapi perbuatan itu telah melanggar undang-undang – umpamanya mengacu perhimpunan orang-orang yang bukan Komunis.

Perintah itu makin lama semakin berat; misalnya “perajin” itu harus mengikut bangkitan bersenjata atau mencuri. Kalau tidak suka menjalankannya kerana perintah itu terlampau buruk maka “perajin” itu diugut akan diserahkan kepada polis. Kerana perbuatan-perbuatan yang telah lalu maka ia sangat takut hal itu. Demikianlah lama kelamaan ia menjadi hamba partinya, kebiasaan akhlak dan kemerdekaannya hilang sama sekali.

Jin Boltin seorang bekas “perajin” yang telah dapat melarikan dirinya telah meriwayatkan bagaimana aktivis (perajin) perempuan seperti berikut : “ bagi seorang gadis yang megikut menjadi “perajin” (dalam jabatan rahsia Russia telah dapat beribu-ribu anak gadis di dalam jabatan itu) tiap-tiap masa beristirahat, yang biasa dikecap oleh gadis yang sebaya dengannya, baginya adalah ditegah dengan keras. Ia tak pernah bergaul dengan ramah mesra dengan rakan sejawatannya, tak pernah bersuami dan beranak dan tak pernah berumah tangga sendiri” seorang gadis “perajin” telah pernah berkata : “saya terpaksa berjalan terus atau mati”

### 4. Cara pendakwah-pendakwah itu bekerja.

Sebahagian besar daerah Eropah masa ini telah hampir mati lemas dalam genggamannya parti Komunis. Di Hungary sebuah negeri beragama Katolik pun pemerintahan Komunis telah dapat memegang pemerintahan. Kita tidak hairan mendengar hal yang tersebut, jika kita

telah mengetahui bagaimana cerdik dan keji dalam pekerjaan mereka.

Dalam tiap-tiap kurun pada tiap-tiap negeri ada orang kaya dan ada orang miskin dan ada yang harus menjalankan perintah, ada yang menguasai dan ada yang dikuasai; dan diantara mereka itu baik miskin mau pun kaya selalu ada rusing dan tak puas. Yang demikian itu dapat diperhati oleh pembaca-pembaca sendiri di dalam kejadian-kejadian masyarakat.

Setibanya di sebuah negeri atau di dalam bandar dalam sebuah kapal, kilang atau pun sesuatu perusahaan “perajin” itu akan mencari pekerjaan di dalam golongan orang yang rendah darjatnya dan akan mencari jalan berkenal-kenalan dengan orang-orang yang rusing. Di dalam lingkungan kaum-kaum pekerja itu ia merupakan lingkungan Komunis dan dengan segera ia boleh membahagikan risalah-risalah dakyah mereka. Di sebalik itu dengan perkataan ia menunjukkan kepapaan kaum buruh dan melukiskan kekayaan kaum bangsawan dan menunjukkan perkara-perkara yang tidak adil ke atas kaum-kaum pekerja. Kemudian ia memuji bangkitan di Russia bagaimana bagus hasilnya bagi rakyat jelata dan kesenangan kaum pekerja di sana sebagai hasil daripada bangkitan itu.

Tidak lama kemudian akan nampak olehnya mereka yang sukar memerhatikannya mereka yang percaya kepada nikmat hidup di syurga kaum pekerja, dan kepada mereka yang diharap menjadi Komunis diterangkannya bahawa jalan bagi memperbaiki nasibnya ialah mengadakan kebangkitan. Hati mereka itu digembirakan dan cerita-cerita yang mengenai tiap-tiap bangkitan (revolution) dan dikatakan bahawa segala-galanya yang lain hendaklah dikorbankan bagi mencapai cita-cita itu.

Rakan-rakan yang baharu itu mulai dihasut supaya benci kepada agama dan perkara-perkara permasalahatan sebagai perkara yang kuno. Mereka itu dihasut supaya mereka benci kepada pemerintah dan polis sebab semuanya itu tidak

lain hanyalah perkakas orang kaya bagi menyeksa orang-orang yang miskin. Ringkasnya murid-murid itu dididik supaya menghendaki bangkitan, mereka itu dididik supaya yakin bahawa sesungguhnya bangkitan itulah suatu jalan bagi menghidupkan masyarakat baharu yang suci lagi adil. Akhirnya murid itu masuk menjadi anggota pertubuhan dan sementara itu mereka diwajibkan bersungguh-sungguh menjalankan cita-cita pertubuhan di mana-mana jawapan dan “perajin” itu meninggalkan tempat-tempat pekerjaan menyatukan dirinya ke dalam pergaulan pekerja di kilang-kilang dan lain-lain perusahaan bagi membuat dakyah pula.

Demikianlah api kebangkitan itu dikobarkan di mana-mana di tiap-tiap cabang perusahaan, ditegah angkatan darat dan angkatan laut, di lingkungan murid-murid dan rakyat jelata – pendeknya diantara semua peringkat masyarakat – dan akibatnya faham Komunis timbul dimana-mana dengan mudah sebagai penyakit yang berjangkit.

##### 5. Usaha Komunis menguasai orang ramai.

Bukannya mengembangkan pertubuhan Komunis itu sahaja kewajipan mereka yang pertama. Mereka itu mengetahui kekuatan sebahagian ahli perjuangan yang yakin, yang tak dapat tiada akan menang asalkan sahaja orang ramai tidak bergerak oleh sebab itu maksud mereka ialah menjauhkan gerak kerja orang ramai dengan menghilangkan syak mereka atas ancaman bahaya Komunis itu baik bahawa “pada hakikatnya” kebenaran itu di pihak Komunis.

Alat-alat yang utama bagi mencapai tujuan yang tersebut itu ialah surat khabar. Tiap-tiap rumah tangga sekurang-kurangnya berlanggan sebuah akhbar harian. Di kedai-kedai, di jalan-jalan raya, di perhentian-perhentian bahkan di dalam bas dijual mereka buku-buku suratkhbar dan berbagai-bagai majalah. Sebab itu Komunis berusaha benar supaya akhbar yang besar dan menarik perhatian umum.

Dalam surat-surat khabar Komunis hal-hal di Russia selalu dipuji dan keadaan di negeri kapitalis (kaum modal) dicemarkan. Segala-galanya yang salah, yang kurang baik, yang kurang sempurna dinegeri lain itu dikatakan kerana kesalahan “kaum modal”.

Siasah negara-negara kaum modal itu busuk. Jika naik harga makanan kaum modal yang salah. Demikian juga jika terjadi tidak ada pekerjaan sebab kurang barang-barang yang tak laku lagi kaum bangsawan yang salah; jika hasil bumi tak dapat dikeluarkan ke negeri asing kaum modal yang salah, cukai terlalu tinggi kaum modal juga yang salah.

Tetapi jika kaum Komunis menimbulkan huru hara di jalan-jalan raya, di bandar-bandar yang besar, menyerang polis dengan senjata api yang tentu sahaja ada di antara mereka yang sama-sama bertempur kena tembak – surat-surat khabar Komunis menerbitkan berita-berita dengan tajuk-tajuk yang besar “polis membabi buta menembak perempuan dan kanak-kanak.”

Di negeri Katolik kecuali kaum modal yang selalu bersalah maka paderi-paderi juga yang salah. Paderi-paderi ialah penyokong kaum modal yang utama. Mereka itu gemuk, malas, tamak, penipu, penghisap darah si miskin, pengkhianat kepada kaum buruh dan sebagainya. Tiap-tiap tuduhan itu disajikan dengan dusta dan mahabah-mahabah yang diada-adakan.

Disebalik itu tanah Russia dipuji-puji dengan perkataan-perkataan yang tinggi. Siasahnya suci, pengikut-pengikutnya pahlawan, pemimpin-pemimpinnya satria, seluruh negeri makmur, semua orang mudah mendapat rezeki, cukai rendah, harga barang murah, agama bebas merdeka.

Tentu sahaja orang ramai pertama-pertama mendengar atau membaca khabar yang demikian itu tidak akan percaya – berita itu ditertawakannya. Tetapi dengan khabar-khabar yang beratus-ratus bahkan beribu-ribu kali mengulanginya dengan tidak berhentinya itu sehingga mereka akhirnya ... orang ramai tak tentu arah, percaya tidak, menyangkal pun tidak – melawan pun

tidak – mengikut berjuang tidak, menentang pun tidak.

Apabila masalah Komunis dicakapkan dengan orang-orang Komunis dikemukakan dengan bermacam-macam keberatan, jika dibicarakan dengan seorang Komunis maka perdirian Komunis dipertahankan.

## 6. Perjuangan yang lalu.

Dalam pada itu perjuangan Komunis terus dilangsungkan. Dengan berhenti kerja tiap-tiap cabang perusahaan iktisad negeri dilemahkannya sehingga dengannya barang makin sedikit-sedikit dan makin mahal harganya. Dalam dewan perkilangan rakyat undang-undang didapat memajukan kemakmuran rakyat ditentang dengan diberi dalil bahawa undang-undang itu tidak menyembuhkan penyakit masyarakat tetapi hanya mengurangkan sedikit sahaja. Tiap-tiap peraturan bagi memakmurkan negeri dibantah dan dicela. Sementara itu anggota pertubuhan telah menceburkan diri di mana-mana juga, baik di dalam pemerintahan dan memegang jabatan-jabatan yang mustahak di dalam hal ehwal kehidupan misalnya dalam syarikat kapal-kapal, kereta api, municipal, perusahaan-perusahaan yang besar, tentera, pos, telefon dan lain-lainnya. Berbagai senjata yang dimasukkan dan dibahagi dengan bersembunyi-sembunyi.

Bagi mengetahui di mana pemerintah kurang perhatian dan kurang bergaul di sana sini ditimbulkan perbangkitan-perbangkitan percubaan dan akhirnya sudah semuanya teratur dan terpinpin kaka datanglah perintah dari Moscow “Mulailah!!! Selamat !!!”... tiba-tiba di dalam bandar dengan semerbak terdengar bunyi tembakan dan lain-lainnya. Orang-orang Komunis merebut rumah-rumah pasung dan bangunan municipal, pertubuhan-pertubuhan dan jabatan pos. Dewan mesyuarat diduduki, pegawai-pegawai pemerintah ditangkap dan diadakan pemerintahan baharu yang seratus peratus bercorak Komunis.

Mula-mula sudah tentu negeri yang baharu itu belum teratur dengan sempurna, pemerintahan yang baharu itu belum tegap perdirianya kerana itu di istirehatkan bahawa orang ramai jangan takut, segala sendi masyarakat tetap bebas, agama tidak

diganggu, hak milik mereka tidak akan dirampas dan sebagainya. Tetapi setelah kedudukan kerajaanya dikuatkan dan peraturan-peraturannya telah disempurnakan maka kemerdekaan itupun mulai dibatas, agama dihalangi, harta benda orang kaya yang dibenci itu dirampas. Yang tak suka menurut perintah dipenjarakan atau dihantar ke tempat tahanan. Penduduk-penduduk dikawal dan gerak gerinya diperhati, akhirnya tidak ada seorang pun yang berani mengeluarkan isi hatinya dan apa yang terlintas dalam kalbunya. Sempadan-semipadan negeri ditutup dan tabir besi itu dikawal kuat-kuat supaya jangan ada orang dapat melarikan dirinya.

Sekarang di Indonesia sudah bekerja beberapa orang “perajin” yang telah dididik di Moscow. Mereka itu mendirikan alat dakwah yang besar. Di mana-mana terdengar pujian-pujian terhadap kepada Moscow dan negeri-negeri yang di bawah kelolaannya ; negeri-negeri yang lain sentiasa mulai dicela dan maksudnya diburuk-burukkan.

Perkataan-perkataan seperti rakyat jelata, kaum Morib, kaum Borjois dan kaum Feudal dan sebagainya telah menjadi permainan mulut orang. Banyak orang, juga di kalangan cerdik pandai yang percaya bahawa aliran Komunis telah mendatangkan kemakmuran di Indonesia dan akan menyelamatkan tanah air. Tetapi hendaknya pembaca tahu apabila bangsa Indonesia yang terdiri daripada 70 milion itu dapat dipikat oleh dakwah itu makan 70 milion orang itu kelak semuanya akan jatuh di dalam perhambaan sedikit orang sahaja mudah-mudahan tuhan yang Maha Kuasa akan menjauhkan hal itu dan aman sentosalah rakyat Indonesia.

Tambahan dari kita.

Kalau kita perhati gerak langkah yang terjadi di dalam perkara gerak geri Komunis maka kita mesti mengingat apa yang telah kita rasa bagaimana Jepun dahulu telah menjanjikan kepada kita yang dengannya sebahagian besar daripada kita percaya bahawa kita akan makmur dan mendapat

kebebasan. Setelah ia datang kita mengetahui apa erti kebebasan itu, demikian juga berdengung-dengung apa erti kebebasan rakyat jelata sekarang yang dianjurkan oleh orang-orang yang membuat hancur, dinegeri kita sekurang-kurangnya dua kali lima sepuluh atau lebih daripada itu. Yang sudah terang tiga perkara yang kita akan hadapi :

- (1) Dirasanya berlawanan dengan pengajaran agama Islam
- (2) Hak milik tidak ada dan
- (3) Kebebasan kita akan terhapus.

Di dalam dasar kehidupan Islam bahawa tiap-tiap makhluk itu diberi kebebasan berusaha supaya mendapat kelimpahan-kelimpahan yang diberi oleh Allah dengan barang halal – dan disebalik itu diwajibkan bermurah hati dengan tidak paksaan oleh kerana ajarannya itu mengikut tabiat kejadian manusia tetapi yang demikian itu tidak ada dan jauh sekali adanya bagi orang-orang Komunis.

Mereka mempercayai kebendaan semata-mata sedang kita mempercayai kekuasaan Tuhan dan bebas meletakkan cara-cara iktikadnya dengan aliran-aliran memahamkan dengan fikiran dan akal yang siuman serta tidak dengan jalan paksaan. Tetapi di sana paksaan-paksaan dilakukan dan siapa ingkar akan dipenjarakan. Islam membebaskan seseorang dengan keyakinan oleh kerana agama Islam itu menghendaki pemeluk-pemeluknya itu berkeyakinan dengan penuh dengan kepercayaan sendiri tidak dengan dipaksa seseorang itu mempercayainya.

“Tidak ada paksaan di dalam agama” itulah semboyan dan perintah yang diberi oleh Allah supaya tiap-tiap seorang itu berkeyakinan dengan keyakinannya sendiri, dengan kemahuan hatinya sendiri tetapi di dalam pertadbiran Komunis paksaan yang utama dijalankan barangsiapa yang tidak mengikut, orang itu dibunuh dan dibinasakan dan barang siapa daripada ketua-ketuanya tidak dapat menjalankan kewajibannya untuk menjalankan cita-cita mereka maka orang itu akan dibalas dengan bunuh adanya.